



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL.63 / 2018**

### **KESAN DAKWAT PRU-14 TIDAK JEJAS HAK PENGUNDI DUN SUNGAI KANDIS**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum akan kebimbangan sesetengah pengundi di DUN Sungai Kandis tentang hak mereka untuk mengundi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) pada 4 Ogos 2018 nanti bakal terjejas kerana terdapat bekas kesan dakwat Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) di jari mereka.
2. Sehubungan dengan itu, SPR menegaskan bahawa hak pengundi berkenaan tidak terjejas dan meminta supaya mereka tidak merasa bimbang kerana SPR telah mengambil langkah sewajarnya berkaitan perkara ini termasuk akan mengadakan taklimat mengenainya kepada semua petugas pilihan raya.
3. Untuk makluman, dalam proses pilihan raya, setiap pengundi akan diperiksa jarinya untuk memastikan jari mereka bebas daripada sebarang tanda dakwat sebelum diberikan kertas undi. Namun begitu, SPR sedar bahawa berikutan proses PRU-14 yang lalu, terdapat sesetengah pengundi yang sehingga kini masih mempunyai bekas kesan dakwat dijari atau kuku mereka (seperti gambar dilampirkan).
4. Oleh itu, bagi proses pengundian di PRK DUN Sungai Kandis ini, sekiranya dibuktikan bahawa kesan dakwat itu adalah bekas kesan lama yang digunakan pada PRU-14 dan bukannya kesan dakwat yang baharu, maka petugas pilihan raya akan membenarkan pengundi terbabit mengundi selagi nama mereka dalam senarai daftar pemilih belum dibuat penandaan.

5. Untuk pengetahuan, proses pengundian pada PRK ini akan dihadiri dan disaksikan oleh wakil-wakil calon yang bertanding. Selain itu juga, pemerhati-pemerhati pilihan raya yang terdiri daripada beberapa organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dilantik oleh SPR akan turut menyaksikan proses berkenaan. SPR berharap para pengundi di DUN Sungai Kandis ini dapat menjalankan tanggungjawab mengundi pada Hari Mengundi dengan selesa tanpa merasa bimbang.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD**

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 25 Julai 2018 / 15 Zulkaedah 1439H